

CIKGU DIPENJARA 34 TAHUN, 2 KALI ROGOL PELAJAR TINGKATAN 3



(TERTUDUH (kiri) dijatuhkan hukuman 34 tahun penjara dan 8 sebatan di Mahkamah Sesyen Kota Bharu)

KOTA BHARU, May 29, 2017 – Guru lelaki dipenjara 34 tahun dan lapan sebatan di Mahkamah Sesyen Kota Bharu, hari ini selepas didapati bersalah terhadap dua tuduhan merogol pelajar tingkatan tiga, dua tahun lalu.

Hakim Nazri Ismail menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh Nurhasliman Ghazali, 36, selepas mendapati pihak pembelaan

gagal menimbulkan keraguan munasabah di akhir kes pembelaan.

Mahkamah memerintahkan hukuman berjalan hari ini.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa merogol mangsa yang ketika itu berusia 15 tahun di rumah di Machang pada 7.30 malam, 23 April 2015.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa merogol mangsa di lokasi sama pada 1 pagi, 25 April 2015.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan. – [Metro](#)

ULASAN : Inilah fenomena “harapkan pegar, pegar makan padi”. Nafsu gila lelaki hari ini tidak lagi mengenal mangsa. Ayah dan abang sendiri pun berlambak-lambak. Inikan pula guru... Adalah amat malang dan sangat ‘pelik’ juga bagaimana seorang pelajar perempuan umur 15 tahun boleh ‘berada’ di rumah bersama guru lelaki itu sebanyak 2 kali. Adakah unsur paksaan atau memang beliau sendiri memang ada hati?

GADIS OKU DIROGOL POK SU SAMPAI MENGANDUNG

POK SU ROGOL GADIS OKU SAMPAI MENGANDUNG



Warga Prihatin

(Tertuduh (tengah) dikawal ketat polis keluar dari mahkamah selepas dihukum)

KOTA BHARU May 29, 2017 – Perbuatan kejam seorang lelaki dikenali sebagai Pok Su yang merogol seorang wanita orang kurang upaya OKU lembam dibalas dengan hukuman penjara 14 tahun dan enam sebatan di mahkamah sesyen, di sini, tadi.

Hakim, Nazri Ismail menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohamad Faizal Adlan Husin, 25, selepas tertuduh mengaku salah atas tuduhan yang dikemukakan.

Tertuduh didakwa merogol mangsa yang berusia 23 tahun di sebuah bengkel motosikal di Kampung Permatang Pasir Gunung, Bachok, pada jam 8.30 malam, dalam Julai 2016.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya negeri, Norazlinawati Mohd Arshad, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Dalam kejadian lalu, mangsa yang baru pulang dari mengaji di rumah saudaranya di kampung sama berjalan kaki untuk pulang ke rumah.

Tiba di hadapan sebuah kedai, lelaki yang dikenalnya sebagai Pok Su iaitu tertuduh menariknya dengan kuat dan menutup mulut dengan kain tudung mangsa.

Tertuduh kemudian mengangkat mangsa dan membawanya ke sebuah bilik serta merogolnya.

Tertuduh juga memberi amaran kepada mangsa supaya tidak menceritakan kejadian itu kepada sesiapa pun, bagaimanapun mangsa mengalami sakit perut dan dibawa ke hospital sebelum disahkan mengandung 18 minggu. – [Sinar](#)

ULASAN: Sudah TERLALU BANYAK kes kehamilan gadis OKU hasil 'kerja' jantan-jantan yang bersifat binatang ini. Kebanyakannya dibuat dengan rela bahkan ada yang berlanjutan menjadi gejala ketagihan seks. Gadis malang ini sanggup menyerahkan kepada sesiapa sahaja lelaki yang 'berhajat' menidurinya secara bergilir-gilir. Tidak kerana wang, tidak juga kerana cinta, namun hanya kerana naluri biologi semata-mata. Tiada yang mahu tampil untuk membantu mangsa dan pemangsa mengawal nafsu yang tidak lagi ada batas sosial dan agama.

Wajarkah gadis OKU 23 tahun ini keluar sendirian jam 8.30 malam untuk belajar mengaji? Di manakah penjaganya?

Cabul Pelajar OKU – Cikgu Pendidikan Khas Dipenjara 7 Tahun

GURU 61 TAHUN CABUL PELAJAR OKU



PUTRAJAYA 23 Mei 2017 – Seorang guru sebuah sekolah pendidikan khas berusia 61 tahun kekal menjalani hukuman penjara tujuh tahun kerana melakukan seks oral dan mencabul kehormatan pelajaranya yang masih di bawah umur, empat tahun lalu.

Mahkamah Rayuan hari ini memerintahkan Sha'ari A. Samat menjalani hukuman penjara bermula hari ini selepas menolak rayuan akhirnya terhadap sabitan dan hukuman bagi kedua-dua tuduhan.

Guru sebuah sekolah menengah di Kota Tinggi, Johor itu disabitkan melakukan kedua-dua perbuatan tersebut di antara pukul 10 pagi dan 11 pagi, 1 Julai 2013 di tandas sekolah berkenaan.

Mangsa ketika itu adalah pelajar tingkatan tiga yang merupakan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang menghadapi masalah pembelajaran kerana menghidap 'Attention Deficit Hyperactivity Disorder' (ADHD).

Panel tiga hakim diketuai oleh Datuk Wira Mohtarudin Baki sebulat suara berpendapat tiada sebab untuk mengubah dapatan fakta dan undang-undang yang diputuskan oleh Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Tinggi.

Beliau yang bersidang bersama Datuk Seri Zakaria Sam dan Datuk Abdul Karim Abdul Jalil berpuas hati bahawa penjara tujuh tahun kerana melakukan seks oral dan tiga tahun kerana mencabul, tidak keterlaluan. Hukuman berjalan serentak. – [Utusan](#)

**Pelajar 13 tahun cedera
dipukul warden Maahad tahfiz**



Ahli lembaga penasihat Darul Tahfiz Ummul Qura, Samad Rahim.

SHAH ALAM, May 20, 2017: Sebuah sekolah tahfiz di sini yang dikaitkan dengan kes warden mencederakan pelajar, berjanji tidak akan menyenarai hitamkan pelajar terbabit jika beliau didapati bersalah.

Ini kerana, kata ahli lembaga penasihat Darul Tahfiz Ummul Qura, Samad Rahim, mereka percaya setiap individu perlu diberikan peluang ke-2 untuk memperbaiki kesilapannya.

“Kita tidak akan senarai hitamkan pelajar ini. Ummul Qura tidak mahu pelajar dia disenarai hitamkan atau gelapkan masa depan dia. Tujuan kita memang hendak perbaiki kehidupan mereka, itu adalah matlamat pertama. Kita mahu mereka berjaya,” katanya.

Darul Tahfiz Ummul Qura menjadi perhatian media selepas seorang warden yang juga gurunya didakwa memukul pelajar tingkatan 1 sehingga cedera di rusuk dan lengan, pada 5 petang 10 Mei lepas.

Pelajar berusia 13 tahun itu mendakwa dirotan dan ditumbuk pada tulang rusuk sehingga bengkok. Mangsa yang kesakitan menghubungi bapanya dan dibawa ke klinik berhampiran untuk mendapatkan rawatan sebelum membuat laporan polis keesokannya.

Warden berusia 21 tahun itu yang dikatakan baru 3 minggu bertugas sebagai tenaga pengajar, ditahan pada Rabu lalu dan dibebaskan dengan jaminan polis, kelmarin. Polis berkata, kertas siasatan itu akan dihantar ke pejabat timbalan pendakwa raya pada Isnin nanti.

Mengulas lanjut, Samad berkata, mereka percaya ada hikmah di sebalik kes itu dan akan akur jika pihak berkuasa mendapati ada kesalahan di pihaknya.

“Sekiranya pihak kami membuat kesilapan dan memang beliau (warden) bersalah, ia terserah kepada undang-undang. Kita saran pihak keluarga sama-sama lihat perkara ini secara positif. Jangan ada pihak yang teraniaya, tidak kiralah di pihak kami atau ibu bapa.”

Katanya, bukan mudah untuk mendidik anak orang lain, justeru masyarakat tidak seharusnya menghakimi sekolah tahfiz menerusi berita sensasi semata-mata.

Ibu bapa lepas tangan

Samad berkata, sesetengah ibu bapa melepaskan tanggungjawab menjaga anak kepada sekolah tahfiz dan ada pula yang akan menyalahkan pihak sekolah apabila anak mereka ditimpa kecelakaan.

“Di sekolah biasa, guru-guru hanya mendidik di waktu siang sahaja, tetapi kami pula 24 jam berada di sisi pelajar, ambil alih tugas ibu bapa.

“Kalau ada yang silap, kami terpaksa telan. Kalau ada yang buat salah paling besar sekalipun, kami terpaksa juga didik kerana mereka inilah anak bangsa.

“...kalau ada kasih sayang di rumah, jika datang ke Ummul Qura, Insya Allah kerja kami di sini lebih senang,” katanya.

Pilihan terakhir ibu bapa

Beliau berkata, ada pula ibu bapa yang menjadikan sekolah tahfiz sebagai pilihan terakhir selepas anak mereka dibuang sekolah dan tidak lagi diterima sekolah biasa.

“Ada yang dibuang sekolah. Ibu bapa tidak ada tempat mahu mengadu, maka kamilah tempat mereka cari. Bahkan, sesetengah

(daripada pelajar itu) tidak lagi mahu terima sekolah (biasa), hanya kita mahu menolongnya.



“Bila kita ambil, ada sesetengahnya bermasalah dan apabila bercampur dengan yang bermasalah sedikit, maka masalah bertambah.”

Masalah kewangan, tiada masa

Dalam pada itu, Samad berkata, kebanyakan ibu bapa yang menghantar anak mereka ke Ummul Qura menghadapi masalah kewangan dan tiada masa.



Pengetua Darul Tahfiz Ummul Qura, Abd Rasul Rahman.

“Kebanyakan mereka datangnya daripada keluarga orang susah. Bahkan, ada sesetengahnya bukan susah dari segi duit, tetapi juga susah dari segi masa.”

Sehubungan itu, Pengetua Darul Tahfiz Ummul Qura, Abd Rasul Rahman berkata, mereka hanya mengenakan yuran bulanan RM120 kepada setiap pelajar yang merangkumi tempat tinggal, makan minum selama sebulan, iaitu RM4 sehari.

Katanya, sekolah itu akan menerima semua pelajar tanpa sebarang diskriminasi kerana mereka percaya setiap pelajar akan memperolehi hikmah apabila dikenalkan kepada ayat Al-Quran.

“Kita tidak ada temu bual, kita hanya didik mereka untuk jadi lebih berguna. Bahkan kita ambil yuran lebih kurang supaya tidak membebankan pelajar dan ibu bapa,” katanya yang memaklumkan Ummul Qura kini mempunyai 90 pelajar dan 15 kakitangan, termasuk 10 guru.

Kejadian di Shah Alam itu berlaku tidak sampai sebulan selepas kematian Mohamed Thaqif Amin Mohd Gaddafi, 11, yang

didakwa dipukul pembantu warden di sekolah tahfizya di Kota Tinggi, Johor, pada 26 April lalu.

Pembantu warden berusia 29 tahun itu dibebaskan pada 3 Mei lalu dengan jaminan bon mahkamah RM20,000, selepas polis mengesahkan kekurangan bukti untuk mendakwanya. – [FMT](#)



KUALA LUMPUR, May 17, 2017 : Polis masih cuba menentukan perkara sebenar kes seorang pelajar tingkatan 1 dipukul warden sebuah sekolah tahfiz di Shah Alam baru-baru ini.

Ini kerana 4 individu yang dipanggil untuk diambil keterangan, termasuk warden asrama terbabit, memberikan cerita berlainan.

“Mereka ini disoal siasat sejak semalam. Kita akan siasat bagi menentukan apa perkara sebenarnya berlaku. Ketika ini ia masih di peringkat awal,” kata Ketua Polis Shah Alam Asisten Komisioner Shafien Mamat ketika dihubungi FMT.

Shafien berkata polis akan mengadakan sidang media Jumaat ini bagi memberi penjelasan lanjut mengenai kejadian itu.

Sebelum ini, Harian Metro melaporkan seorang pelajar tingkatan 1 di sebuah sekolah tahfiz di Shah Alam mengalami kecederaan pada tulang rusuk dan lengan selepas didakwa dipukul warden asrama sekolah berkenaan minggu lalu.

Portal itu juga memuatnaik gambar mangsa menunjukkan kecederaan pada lengan.

Kejadian didakwa berlaku pada 5.00 petang 10 Mei lepas, ketika mangsa dipanggil berjumpa warden. Warden terbabit didakwa bertanyakan pelbagai soalan peribadi, namun mangsa menafikan tuduhan terhadapnya.

Akibatnya, mangsa mendakwa dirotan selain ditumbuk pada tulang rusuk hingga bengkak. Mangsa yang kesakitan menghubungi bapanya dan dibawa ke klinik berhampiran untuk mendapatkan rawatan.

Keesokan harinya mangsa dibawa ke Balai Polis Seksyen 9 Shah Alam untuk membuat laporan. Menurut Shafien, kes disiasat di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan kerana sengaja mendatangkan kecederaan.

Bapa pelajar berkenaan berkata anaknya pernah dirotan tetapi kejadian 10 Mei itu dilihat tidak sepatutnya berlaku kerana melampau. Beliau juga mendakwa warden cuba meminta maaf dan mahu menanggung kos rawatan anaknya, tetapi beliau tidak dapat menerima perbuatan itu.

Bapa pelajar berkenaan berkata anaknya pernah dirotan tetapi kejadian 10 Mei itu dilihat tidak sepatutnya berlaku kerana melampau. Beliau juga mendakwa warden cuba meminta maaf dan mahu menanggung kos rawatan anaknya, tetapi beliau tidak dapat menerima perbuatan itu.

Kejadian ini merupakan yang terbaharu sebulan selepas Mohamed Thaqif Amin Mohd Gaddaffi, 11, mati selepas dilaporkan cedera selepas didakwa dipukul dengan hos getah oleh pembantu warden di sebuah sekolah tahfiz di Johor. – [FMT](#)

Pelajar tingkatan 2 asrama penuh cedera dibelasah 10 senior



SERI ISKANDAR, May 18 2017: Enam pelajar Tingkatan Dua sebuah sekolah berasrama penuh di Parit, dekat sini, dipercayai menjadi mangsa buli pelajar senior sehingga mengalami kecederaan fizikal di badan.

Dalam kejadian yang berlaku pada 5 Mei lalu, enam pelajar itu dipercayai dibelasah oleh 10 pelajar senior Tingkatan Tiga dan Empat selepas dikatakan seorang daripada mereka enggan meminjamkan kasut bola kepada seorang pelajar senior berkenaan.

Ketua Polis Daerah Perak Tengah, Superintendan Mohamad Zainal

Abdullah, polis menerima enam laporan polis daripada semua mangsa sehari selepas kejadian dan siasatan lanjut sedang dijalankan.

Katanya, polis sudah mengambil rakaman percakapan 10 pelajar senior berkenaan dan mereka kini dipercayai sudah digantung sekolah.

“Semua mangsa tidak mengalami kecederaan teruk, cuma lebam pada beberapa bahagian badan dipercayai dipukul menggunakan tangan,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Perak Tengah, di sini, sebentar tadi.

Mohamad Zainal berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 147 Kanun Keseksaan kerana mendatangkan kecederaan dan menasihatkan keluarga pelajar supaya tidak melakukan tindakan yang boleh mengganggu siasatan polis.

Katanya, semua pelajar terbabit iaitu yang membuli dan mangsa berasal dari Selangor dan Kuala Lumpur. – [BHarian](#)

[#1 Net](#), [May 18, 2017](#)

Warden asrama rogol kanak-

kanak perempuan 11 tahun



(Tertuduh dipenjarakan 17 tahun dan dua sebatan selepas didapati bersalah merogol kanak-kanak perempuan)

KOTA BHARU, May 17, 2017 – Warden asrama sekolah swasta dipenjarakan 17 tahun dan dua sebatan oleh Mahkamah Sesyen Kota Bharu, hari ini, selepas didapati bersalah merogol kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun, dua tahun lalu.

Hakim Nazri Ismail menjatuhkan hukuman itu terhadap Abdul Hafiz Abdul Syukri, 24, selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah di akhir kes pembelaan.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa merogol mangsa yang ketika itu berusia 11 tahun 11 bulan di sebuah rumah di Kedai Melor,

Melor pada 6.15 pagi, 14 Februari 2015.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (2)(e) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman maksimum 30 tahun dan boleh dikenakan sebat.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Siti Hajar Alias manakala tertuduh diwakili peguam Mohd Firdaus Yusoff.
– [Metro](#)

**GURU AGAMA ditahan cabul
murid sejak 3 tahun lepas**



BANGI, May 12, 2017 : Seorang guru lelaki sebuah sekolah agama di sini yang didakwa melakukan perbuatan jelik terhadap anak muridnya sejak tiga tahun lalu, ditahan polis kelmarin.

Guru berusia 29 tahun itu ditahan di sekolah terbabit, susulan laporan dibuat bapa mangsa terbaru berusia 12 tahun pada Rabu lalu, sebaik mengetahui kejadian menimpa anaknya pada 19 April lalu.

Sumber berkata, tindakan keluarga berkenaan mendorong enam mangsa lain melaporkan perbuatan guru terbabit menerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah itu.

Berdasarkan laporan, mangsa mendakwa suspek memegang dan

meraba bahagian sulit mereka dalam kejadian berasingan.

Ada mangsa mendakwa dipeluk dan dicium serta diarah mengurut beberapa bahagian badan suspek.

Difahamkan, ada yang menjadi mangsa pelakuan jijik itu lebih 10 kali sejak Februari 2014.

“Selama ini, semua mangsa takut menceritakan apa yang berlaku kerana malu serta bimbang diapa-apakan suspek,” kata sumber berkenaan.

Suspek direman hingga Isnin ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan kerana mencabul kehormatan dan Seksyen 377D kerana melanggar kesopanan. – [BHarian](#)